



KILANG gula milik MSM Malaysia Hodling Bhd.

MSM raih dua anugerah kepemimpinan global

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO), Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, meraih pencapaian berganda apabila memenangi dua pengiktirafan pada Anugerah Kepemimpinan Global 2015.

Syarikat itu menerima anugerah Kecemerlangan dalam Sektor Pembuatan manakala Sheikh Awab dinobatkan CEO Terbaik Tahun Ini.

Menurut kenyataan syarikat pengeluar gula itu, pengiktirafan itu berdasarkan pembabit MSM dalam pertumbuhan syarikat dan komuniti selain usaha dan sumbangan berterusannya bagi tujuan pemba-



**SHEIKH AWAB
SHEIKH ABOD**

ngunan negara dan ekonomi global.

"Sheikh Awab diiktiraf kerana pencapaiannya membawa MSM ke peringkat antarabangsa daripada sekadar penggiat dalam industri gula tempatan," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Sheikh Awab turut melahirkan rasa gembiranya di atas kejayaan pencapaian berganda berkenaan.

"Pengiktirafan ini akan terus memacu MSM ke arah matlamat syarikat untuk menjadi antara penggiat utama industri gula peringkat global selain mengukuhkan kedudukan sebagai pengeluar utama gula tempatan," katanya.

LEMBAGA Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) telah membuat penambahbaikan dalam hal pengurusan perolehannya berikutan kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 2.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, Felda mengambil langkah proaktif untuk memperbetulkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalamannya bagi mengelakkan perkara



**NUR JAZLAN
MOHAMED**

yang sama berulang dalam Laporan Ketua Audit Negara seterusnya.

"Lanjutan itu, Felda telah membuat banyak penambahbaikan dengan menambah baik tataraca SOP dalamannya meraka untuk mengatasi masalah ini," katanya mengulas rumusan siasatan berhubung pengurusan perolehan Felda susulan Laporan Ketua Audit Negara 2013.

Nur Jazlan

berkata, antara kelemahan

yang didapati dalam pengurusan perolehan Felda berdasarkan laporan Audit itu adalah Felda melaksanakan perolehan tanpa kelulusan jawatankuasa yang sepatutnya dan dibuat oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa.

Selain itu, katanya beberapa perolehan Felda yang telah dipecah kecil adalah tidak mematuhi peraturan perolehan yang sedang berkuat kuasa dan ini boleh menyebabkan salah guna kuasa.

Dalam perkembangan lain, Nur Jazlan berkata, beliau menyokong cadangan anggota Parlimen Gua Musang Tengku

Razaleigh Hamzah yang meminta kerajaan menjelaskan secara telus mengenai hutang negara pada sidang Dewan Rakyat.

"Untuk saya ia satu perkara yang baik untuk rakyat tahu," katanya.

Mengenai cadangan pengistiharan harta dan liabiliti oleh anggota Kabinet dan Parlimen, Nur Jazlan berkata, kabinet perlu ambil perhatian terhadap usul dibangkitkan Tengku Razaleigh semasa sesi perbincangan pada sidang Dewan Rakyat baru-baru ini.

"Tetapi dengan cara ini belum tentu ia dapat menjamin kes rasuah tidak terus berlaku dalam negara ini," katanya.

Felda tambah baik pengurusan perolehan - PAC